

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATO' JOHARI BIN ABDUL
(SUNGAI PETANI)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 16.11.2015

Y.B. DATO' JOHARI BIN ABDUL [SUNGAI PETANI] minta **MENTERI**

KEWANGAN menyatakan :-

(a) berapakah nilai hasil dan *revenue* yang dikutip oleh Kerajaan Persekutuan dari Sabah dan Sarawak setiap tahun dari tahun 2010 hingga 2014; dan

(b) senaraikan jenis-jenis hasil dan *revenue* dan nilai mengikut tahun.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Secara amnya, hasil yang dikutip oleh Kerajaan Persekutuan antaranya adalah hasil cukai, terimaan bukan hasil dan hasil daripada Wilayah Persekutuan. Manakala, hasil Kerajaan Negeri diperoleh antaranya adalah daripada kutipan cukai tanah, lombong dan hutan, lesen-lesen dan duti hiburan. Hasil Kerajaan Negeri adalah untuk kegunaan negeri tersebut dan Kerajaan Negeri tidak menyatakan keperluan untuk menyerahkan sebarang kutipan hasil yang dikutip tersebut kepada Kerajaan Persekutuan.

2. Namun demikian, agensi Kerajaan Persekutuan seperti Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN), Kastam Diraja Malaysia (KDRM), Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan lain-lain agensi ditempatkan di semua negeri untuk mengutip hasil di negeri berkenaan dan kutipan hasil ini dimasukkan terus ke Akaun Hasil Disatukan Kerajaan Persekutuan.

3. Jumlah kutipan cukai langsung dan cukai tidak langsung yang dipungut oleh LHDN di Sabah dan Sarawak dari tahun 2010 hingga 2014 adalah

seperti berikut:

	2010 (RM bilion)	2011 (RM bilion)	2012 (RM bilion)	2013 (RM bilion)	2014 (RM bilion)
Sabah					
Cukai Langsung	2.8	3.4	3.7	3.3	3.7
Cukai Tidak Langsung	0.4	0.5	0.8	0.8	1.2
Jumlah Hasil Cukai	3.2	3.9	4.5	4.1	4.9
Sarawak					
Cukai Langsung	2.8	3.4	3.8	3.9	4.3
Cukai Tidak Langsung	0.9	1.1	0.8	0.9	1.0
Jumlah Hasil Cukai	3.7	4.5	4.6	4.8	5.3

4. Selain itu, kutipan cukai langsung dan cukai tidak langsung ini juga tidak menggambarkan hasil sebenar sesebuah negeri kerana pembayaran cukai bagi aktiviti di sesebuah negeri boleh dilaksanakan di luar dari negeri berkenaan. Contohnya, terdapat syarikat yang membayar cukai di LHDN Kuala Lumpur kerana mempunyai ibu pejabat di Kuala Lumpur sedangkan aktiviti sebenar syarikat adalah di negeri lain.